

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI
DI MAJLIS PELANCARAN ARAHAN NO. 1, 2004 DAN PERASMIAN
DIALOG PEMBANGUNAN DAERAH 2005 DI HOTEL
PUTRI PAN PACIFIC, JOHOR BAHRU
24 FEBRUARI 2005

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YAB DATO' ABDUL GHANI OTHMAN
MENTERI BESAR JOHOR

YB MENTERI-MENTERI

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT

PEGAWAI-PEGAWAI DAERAH

YANG DIPERTUA PIHAK BERKUASA TEMPATAN

TUAN-TUAN, PUAN-PUAN PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN

1. ALHAMDULILLAH, SAYA BERSYUKUR KEHADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAN KURNIA DAN RAHMATNYA MAKA DAPAT KITA BERKUMPUL DI MAJLIS YANG SERBA PENTING INI. SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK I.C.U. KERANA TELAH DAPAT MENGATUR MAJLIS PELANCARAN ARAHAN NO. 1, 2004 INI, DAN SERENTAK DENGAN ITU, MENGANJURKAN DIALOG PEMBANGUNAN DAERAH 2005 INI. KITA TAHU KEDUA-DUA PERKARA INI MEMPUNYAI PERKAITAN YANG RAPAT DALAM KONTEKS PEMBANGUNAN NEGARA. ARAHAN NO. 1 TELAH LAMA WUJUD IAITU SEMASA TUN ABDUL RAZAK (ALLAHYARHAM) BERTUGAS SEBAGAI TIMBALAN PERDANA MENTERI LAGI. IA BERKEKALAN SEHINGGA SEKARANG SUNGGUHPUN MENGALAMI PELBAGAI PERUBAHAN, SELARAS DENGAN KEPERLUAN SEMASA.

2. SEPERTIMANA SAUDARA-SAUDARI SEDIA MAKLUM, SAYA TELAHPUN MENGUMUMKAN AGAR DIBUAT BEBERAPA PERUBAHAN KEPADA JENTERA PEMANTAUAN DAN PENYELARASAN PELAKSANAAN PEMBANGUNAN NEGARA. PERUBAHAN YANG DIMAKSUDKAN IALAH MEMPERKUKUHKAN SEMANGAT DAN TUMPUAN JENTERA INI SUPAYA LEBIH PENEKANAN DIBERI KEPADA PROSES MENGENALPASTI ISU-ISU PELAKSANAAN PROGRAM DAN PROJEK, SERTA PANTAS MENGAMBIL TINDAKAN MENYELESAIKAN ISU-ISU ITU SECARA TERSELARAS DAN BERSEPADU.

3. PENGALAMAN SAYA SEBAGAI SALAH SEORANG PEGAWAI YANG TERLIBAT DALAM KERJA-KERJA MAJLIS TINDAKAN NEGARA MEMBERI KEYAKINAN BAHAWA PENDEKATAN YANG PERNAH TERLAKSANA PADA TAHUN 1970'AN ITU MASIH SESUAI, SUNGGUHPUN DASAR-DASAR, PROGRAM-PROGRAM DAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN NEGARA PADA MASA INI LEBIH BANYAK BILANGANNYA DAN LEBIH BESAR PERUNTUKAN PEMBIAYAANNYA.

4. SAYA MASIH INGAT PENUBUHAN I.C.U. UNTUK MENJADI URUSETIA MAJLIS TINDAKAN NEGARA DAN JAWATANKUASA KERJA TINDAKAN NEGARA MENYELESAIKAN SEMUA ISU PELAKSANAAN PROGRAM DAN PROJEK PEMBANGUNAN. SECARA KHUSUSNYA, MAJLIS TINDAKAN NEGARA BERTANGGUNGJAWAB MEMANTAU PERKEMBANGAN PELAKSANAAN RANCANGAN PEMBANGUNAN; MENGESAN "BOTTLENECK" DAN KESULITAN-KESULITAN DALAM MELAKSANAKANNYA; BERTINDAK SEBAGAI JENTERA PENYELARAS DI PERINGKAT PEGAWAI BAGI PELBAGAI KEMENTERIAN, JABATAN DAN BADAN BERKANUN; DI SAMPING MENILAI KEBERKESANAN PELAKSANAAN RANCANGAN PEMBANGUNAN.

5. SELAIN JENTERA PENYELARASAN PEMBANGUNAN DI PERINGKAT PERSEKUTUAN, JENTERA YANG SAMA TELAH JUGA DITUBUHKAN DI PERINGKAT NEGERI DAN DAERAH. MELALUI PENDEKATAN INI, KERAJAAN NEGERI DIBERI TANGGUNGJAWAB UNTUK MEMANTAU PROGRAM DAN PROJEK PEMBANGUNAN DI NEGERI MASING-MASING BAGI MENJAMIN KELANCARAN PELAKSANAANNYA. BEGITU JUGA KEADAANNYA DI PERINGKAT DAERAH. SEMUA PEGAWAI DAERAH MENJADI PENERAJU UTAMA MENGGERAKKAN PELAKSANAAN PROGRAM DAN PROJEK PEMBANGUNAN DI DAERAH MASING-MASING. JENTERA PENYELARASAN YANG DISEBUTKAN INI TELAH BERJAYA MENCAPAI OBJEKTIF-OBJEKTIF PENUBUHANNYA. TIDAK DAPAT DINAFIKAN KEMAJUAN PESAT NEGARA TELAH BERPUNCA JUGA DARIPADA KEBERKESANAAN JENTERA INI, SELAIN FAKTOR-FAKTOR YANG LAIN.

6. KINI KITA BERADA DI TAHUN AKHIR RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN (R.M.K.8). SAYA DIMAKLUMKAN KITA TELAH BERJAYA MENYIAPKAN SEBANYAK 60.6 PERATUS PROJEK SETAKAT INI, DARIPADA JUMLAH 75,294 SUBPROJEK KESELURUHAN. DARI SEGI PERBELANJAAN PULA PENCAPAIANNYA IALAH SEBANYAK 81.5 PERATUS, DARIPADA 170 BILION RINGGIT YANG DIPERUNTUKKAN. PENCAPAIAN INI BOLEH DIANGGAP BAIK DAN SAYA YAKIN KITA AKAN DAPAT MENGGUNAKAN KESEMUA PERUNTUKAN YANG ADA DALAM TAHUN INI.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

7. MAJLIS TINDAKAN NEGARA MENERIMA-PAKAI PENDEKATAN MENYELESAIKAN MASALAH. DALAM USAHA Mencari penyelesaian, sebab-sebab timbulnya masalah itu disiasat dan berdasarkan maklumat yang diperolehi, cadangan penyelesaian dikemukakan. Kita telah melancarkan 10 rancangan 5 tahun sejak mencapai kemerdekaan. Masalah-masalah pelaksanaan rancangan pembangunan, pada umumnya, tidak banyak berbeza di antara satu-satu rancangan 5 tahun. Masalah-masalah itu boleh jadi melibatkan masalah tapak projek, masalah kontraktor, masalah pengurusan projek, masalah kekurangan peruntukan dan lain-

LAIN LAGI. DENGAN MEMAHAMI MASALAH-MASALAH TERSEBUT SERTA MENGENALPASTI JALAN PENYELESAIAN YANG PALING BERKESAN, SATU MEMORI INSTITUSI (“INSTITUTIONAL MEMORY”) DAPAT DIBANGUNKAN. “INSTITUTIONAL MEMORY” INI DAPAT MENGURANGKAN MASALAH-MASALAH YANG BAKAL BERLAKU DI DALAM SESEBUAH PROJEK; DAN SEKIRANYA SESUATU ISU ITU TIMBUL JUGA, IANYA DAPAT MERUMUSKAN JALAN PENYELESAIAN YANG PALING BERKESAN UNTUK DILAKSANAKAN.

8. DI SAMPING ITU, MASALAH-MASALAH TERSEBUT TIDAK SEMUANYA PERLU DIRUJUK KE ATAS UNTUK MENDAPAT KEPUTUSAN ATAU PENYELESAIAN. ADA MASALAH YANG BOLEH DISELESAIKAN DI PERINGKAT DAERAH, ADA PULA MASALAH YANG PERLU MENDAPAT KEPUTUSAN KERAJAAN NEGERI, BEGITU JUGA SEBAHAGIANNYA PERLU MENDAPAT KEPUTUSAN PIHAK PENGURUSAN KEMENTERIAN, AGENSI PUSAT ATAUPUN JEMAAH MENTERI. NAMUN PADA HAKIKATNYA, SESUATU MASALAH ITU SEHARUSNYA DISELESAIKAN DI PERINGKAT BAWAH DAHULU, DAN HANYA DIRUJUK KE PERINGKAT LEBIH TINGGI BILA KEADAAN MEMERLUKAN.

9. BERDASARKAN STRUKTUR MASALAH DAN PERINGKAT KEPUTUSAN SEPERTI YANG DINYATAKAN ITU, MAKA JELASLAH BAHAWA JENTERA PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN SEPERTI YANG DITETAPKAN MELALUI ARAHAN NO. 1, 2004 MEMBERI PENEKANAN BARU DALAM PROSES PELAKSANAAN PROGRAM DAN PROJEK PEMBANGUNAN. SAYA BERPENDAPAT STRUKTUR JENTERA INI MEMBERI KESEMPATAN KEPADA PARA PEGAWAI, KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING SECARA LEBIH AKTIF. DALAM ERTIKATA LAIN, SESUATU MASALAH ITU DAPAT DITANGANI MENGIKUT PERINGKAT YANG BERSESUAIAN, SELARAS DENGAN SKOP, FUNGSI, GARISPANDUAN DAN KUASA-KUASA YANG TELAH DITETAPKAN PADA SETIAP PERINGKAT TERSEBUT. SAYA MELIHAT SENARIO INI SEBAGAI SATU PERKEMBANGAN YANG POSITIF KE ARAH “EMPOWERMENT” ATAU PENGUPAYAAN PEGAWAI-PEGAWAI ATAU ORGANISASI BERKENAAN DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM DAN PROJEK TANPA MELIBATKAN SEMUA PIHAK, SEKIRANYA TIDAK PERLU.

10. SEBENARNYA, KEJAYAAN PELAKSANAAN PROGRAM DAN PROJEK PEMBANGUNAN ADALAH USAHA BERSAMA, SAMA ADA PADA PERINGKAT PERANCANGAN, PELAKSANAAN DAN PENILAIAN. PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT PUN BANYAK, SAMA ADA AGENSI PUSAT, KEMENTERIAN, JABATAN, BADAN BERKANUN, PENTADBIRAN NEGERI DAN JUGA PIHAK BERKUASA TEMPATAN. DALAM KEADAAN SEBEGINI SUDAH JELASLAH BAHAWA PENYELARASAN ADALAH TINDAKAN YANG AMAT PERLU DILAKUKAN. PENYELARASAN AKAN MELIBATKAN PELBAGAI AGENSI YANG BERLAINAN PERANAN TETAPI MASING-MASING ADA TANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBERI INPUT BAGI MENJAYAKAN MATLAMAT SESUATU PROJEK. ITULAH SEBABNYA KITA SENTIASA MENDAPATI JABATAN-JABATAN SEPERTI PEJABAT TANAH DAN DAERAH, P.B.T., UPEN, J.K.R., PEJABAT KEWANGAN NEGERI DAN LAIN-LAIN LAGI AKAN SENTIASA MENJADI RAKAN DALAM PASUKAN PELAKSANA PROGRAM DAN PROJEK PEMBANGUNAN DI MANA-MANA PUN.

11. ARAHAN NO. 1 TIDAK MENGHADKAN KEAHLIAN JENTERA PEMBANGUNAN SETAKAT KETUA-KETUA JABATAN SAHAJA BAHKAN TERMASUKLAH PERDANA MENTERI, TIMBALAN PERDANA MENTERI, MENTERI-MENTERI DI PERINGKAT PERSEKUTUAN SERTA MENTERI BESAR/KETUA MENTERI DI PERINGKAT NEGERI. INI BERMAKNA DARI SEGI PENTADBIRAN MAHUPUN DASAR, ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS ATAU JAWATANKUASA TINDAKAN PERINGKAT NEGARA, KEMENTERIAN DAN NEGERI SUDAH PUN CUKUP BERWIBAWA UNTUK MENYELESAIKAN KEBANYAKAN MASALAH PADA PERINGKAT MASING-MASING. SUNGGUHPUN ADAKALANYA RUJUKAN PERLU DIBUAT KE PIHAK LEBIH ATAS (MISALNYA JABATAN-JABATAN TERTENTU DI PERINGKAT NEGERI PERLU MENDAPAT PERSETUJUAN ATAU KEPUTUSAN DARIPADA PERINGKAT KEMENTERIAN), NAMUN DARI SEGI BILANGANNYA, RUJUKAN DEMIKIAN TIDAKLAH BESAR JUMLAHNYA. APA YANG SAYA HENDAK TEKANKAN DI SINI IALAH, SEKIRANYA SETIAP PERINGKAT MAJLIS ATAU JAWATANKUASA TINDAKAN MEMAINKAN PERANAN MEREKA MENGIKUT TERMA RUJUKAN YANG SUDAH DITETAPKAN, SAYA PERCAYA PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DI DALAM NEGARA AKAN LEBIH BERJAYA LAGI.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

12. SATU PERKARA YANG SUKA JUGA SAYA SENTUH PADA HARI INI IALAH TENTANG ASPEK PENILAIAN DASAR, PROGRAM DAN PROJEK PEMBANGUNAN. ASPEK PENILAIAN SEBENARNYA SEBAHAGIAN DARIPADA KITARAN PELAKSANAAN PROJEK ("PROJECT IMPLEMENTATION CYCLE"), IAITU BERMULA DENGAN PERANCANGAN, DIKUTI DENGAN PELAKSANAAN DAN SETERUSNYA PENILAIAN. SUNGGUHPUN PERHATIAN DIBERI KEPADA KETIGA-TIGA ASPEK INI, SECARA PERBANDINGAN, ASPEK PENILAIAN PROGRAM KURANG DIUTAMAKAN. KITA PERLU MEMANTAPKAN KETIGA-TIGA ASPEK INI. JIKA ASPEK PENILAIAN MASIH KETINGGALAN, MAKA USAHA-USAHA HENDAKLAH DILAKUKAN SUPAYA ASPEK INI MENDAPAT PERHATIAN SEIMBANG SEPERTI JUGA PERHATIAN YANG DIBERI KEPADA ASPEK-ASPEK PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN.

13. SAYA INGIN MEMINTA SUPAYA ASPEK PENILAIAN DAN KAJIAN IMPAK DIBERI PENEKANAN OLEH SEMUA KEMENTERIAN. TINDAKAN INI AMAT SESUAI BAHKAH PERLU DILAKUKAN SEKARANG OLEH KERANA RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN AKAN TAMAT PADA TAHUN INI DAN KITA AKAN MENGGUBAL RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN UNTUK DILAKSANAKAN BAGI TEMPOH 2006 HINGGA 2010. UNTUK MAKLUMAN SAUDARA-SAUDARI, SAYA TELAH PUN MEMINTA I.C.U. MENGENALPASTI ATAU MENGGUBAL INDIKATOR-INDIKATOR BAGI MEMANDU KEMENTERIAN DAN JABATAN MELAKSANAKAN PENILAIAN KE ATAS PROGRAM-PROGRAM DAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH BIDANG KENDALIAN MASING-MASING.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

14. SAYA MENGAMBIL MAKLUM PENJELASAN KETUA PENGARAH I.C.U. BAHAWA PADA KALI INI BENTUK PERJUMPAAN TELAH DIUBAH DARI BENTUK PERSIDANGAN ATAU SEMINAR KEPADA BENTUK DIALOG. PENDEKATAN INI BERTUJUAN UNTUK MENDAPATKAN SEBANYAK MUNGKIN PANDANGAN SAUDARA-SAUDARI SUPAYA ISU-

ISU DAN MASALAH DAPAT DIKENALPASTI DENGAN LEBIH MELUAS DAN PERAKUAN ATAU RUMUSAN DAPAT DIBENTUK DENGAN LEBIH MENYELURUH LAGI. SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA I.C.U. KERANA MENERIMA SYOR SAYA MENERIMA PAKAI FORMAT DIALOG SEPERTI YANG AKAN DIADAKAN PADA HARI INI.

15. BERDASARKAN SENARAI PESERTA DIALOG INI SAYA YAKIN SAUDARA-SAUDARI MEMPUNYAI PENGALAMAN YANG LUAS UNTUK MEMBINCANGKAN TAJUK-TAJUK YANG TELAH DITETAPKAN. SAYA JUGA MELIHAT BAHAWA PARA PENERAJU DAN PENCETUS IDEA ADALAH TOKOH-TOKOH DAN PENGAMAL-PENGAMAL YANG BERPENGALAMAN. DENGAN LATAR BELAKANG BEGINI DAN DENGAN PENGGEMBELINGAN MINDA SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN, SAYA YAKIN DIALOG INI AKAN LEBIH BERJAYA BERBANDING PERSIDANGAN ATAU SEMINAR-SEMINAR YANG LEPAS.

16. TEMA DIALOG INI, IAITU "KE ARAH KEGEMILANGAN PEMBANGUNAN DAERAH", JUGA AMAT SESUAI DAN TEPAT SEKALI. TENTULAH TEMA INI DIPILIH SELARAS DENGAN HASRAT MURNI KITA UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA PADA SEMUA PERINGKAT, SAMA ADA DI PERINGKAT NEGARA, NEGERI MAHUPUN DAERAH. SAUDARA-SAUDARI SELAKU PENERAJU DAN PENGGERAK UTAMA PADA PERINGKAT DAERAH MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB DAN AMANAH UNTUK MEMASTIKAN OBJEKTIF-OBJEKTIF DIALOG INI DAPAT DICAPAI. SESUNGGUHNYA, KITA PERLU MENJADI CONTOH DAN TELADAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI LAIN DI PERINGKAT DAERAH. SAYA PERCAYA JIKA PEGAWAI-PEGAWAI YANG MELAKSANAKAN PROGRAM DAN PROJEK PEMBANGUNAN DI PERINGKAT DAERAH MEMAHAMI RASIONAL DASAR-DASAR, PROGRAM-PROGRAM DAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN YANG MELIBATKAN MEREKA SEBAGAI PELAKSANANYA, MAKA SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA KELEMAHAN YANG DISEBUT-SEBUT AKAN DAPAT KITA ATASI. DENGAN ITU, LEBIH MUDAHLAH TUMPUAN DIBERI KEPADA MASALAH-MASALAH YANG LEBIH BESAR DAN KOMPLEKS.

17. SALAH SATU PENEKANAN TERPENTING YANG BAKAL DIBAWA OLEH RANCANGAN MALAYSIA KE-9 IALAH PEMBANGUNAN MODAL INSAN. SAYA PERCAYA JIKA SAUDARA-SAUDARI SEBAGAI KETUA JABATAN DI PERINGKAT DAERAH MEMPUNYAI ILMU PENGETAHUAN DAN LATIHAN YANG CUKUP IA AKAN MENCETUSKAN PULA ILHAM UNTUK KITA MERANGKA STRATEGI, PROGRAM DAN PROJEK YANG MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA OBJEKTIF PEMBANGUNAN MODAL INSAN TADI. BEGITU JUGALAH DENGAN ASPEK-ASPEK LAIN YANG DIJADIKAN TAJUK-TAJUK DI DIALOG INI. CETUSAN-CETUSAN IDEA DAN JUGA PERBINCANGAN YANG MENYUSULI AKAN MEMBERIKAN INPUT-INPUT YANG BERHARGA KEPADA SAUDARA-SAUDARI UNTUK MEMASTIKAN TANGGUNGJAWAB YANG DIPIKUL DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN BAIK, DAN SERENTAK DENGAN ITU, MEMBANTU SAUDARA-SAUDARI MEMBERI SUMBANGAN YANG LEBIH BESAR KEPADA PENCAPAIAN DASAR DAN PROGRAM PEMBANGUNAN NEGARA.

18. SAYA MENDOAKAN SAUDARA-SAUDARI AKAN DIBERIKAN PANDUAN DAN HIDAYAH SEPANJANG SESI DIALOG INI. SEMOGA BANYAK PERAKUAN DAPAT DIRUMUS DAN DIKUMPULKAN KE ARAH MEMBANTU KERAJAAN MENAMBAH BAIK LAGI PENGGUBALAN DASAR, SERTA PEMBENTUKAN PROGRAM DAN PROJEK PEMBANGUNAN DI DALAM NEGARA.

19. MAKA DENGAN HARAPAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM,
SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN DIALOG PEMBANGUNAN DAERAH 2005.

TERIMA KASIH.